

## PENUTUPAN SEMENTARA MASJID, SURAU DAN BALAI IBADAT SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Majlis Ugama Islam Brunei telah bersidang pada hari ini, Isnin, 21hb Rejab 1441 Hijrah bersamaan 16hb Mac 2020 Masihi bagi membincangkan Fatwa Mufti Kerajaan Nombor 02/2020 Mengenai Dengan Beberapa Isu Berkenaan Dengan Penularan Wabak COVID-19. Maka pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji 'Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama memaklumkan kepada orang ramai khususnya umat Islam di negara ini bahawa sebagai salah satu usaha mencegah penularan wabak penyakit ini, Majlis Ugama Islam Brunei atas nasihat Kementerian Kesihatan dan pandangan Hukum Syara' berdasarkan fatwa tersebut, Majlis mengambil keputusan menutup sementara seluruh masjid, surau dan balai ibadat di negara ini selama seminggu mulai pada waktu Subuh, 22hb Rejab 1441 Hijrah bersamaan 17hb Mac 2020 Masihi hingga waktu Isya' hari Isnin, 29 Rejab 1441 Hijrah bersamaan 23hb Mac 2020 Masihi. Sebelum tamat tempoh penutupan ini, Majlis Ugama Islam Brunei akan menilai lagi perkembangan mengenai penularan wabak ini.
2. Tujuan penutupan adalah dalam usaha membendung dan mencegah penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Dalam tempoh itu juga, langkah-langkah pembersihan masjid-masjid, surau-sarau dan balai ibadat akan dilaksanakan secara berperingkat menurut jadual yang ditetapkan. Segala kegiatan Sembahyang Fardhu berjemaah dan lain-lain kegiatan takmir termasuk Sembahyang Fardhu Juma'at pada 25hb Rejab 1441 Hijrah bersamaan 20hb Mac 2020 Masihi adalah ditiadakan. Walau bagaimanapun, azan akan terus dilaungkan dan pegawai-pegawai masjid hendaklah bertugas seperti biasa.

**-TAMAT-**

**Rujukan: KHEU/BPA/PR/MAC/2020**

**Tarikh: 21hb Rejab 1441H bersamaan 16 Mac 2020M**